

**PENGGUNAAN MATERIAL EPOKSI TERHADAP
REKABENTUK MEJA KANAK-KANAK DI TADIKA**

NAMA:MUHAMAD AFIQ IDZREEN BIN MOHD NOR

C17A0111

UNIVERSITI
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF & WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MALAYSIA

2021
KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PENGGUNAAN MATERIAL EPOKSI TERHADAP REKABENTUK MEJA KANAK-
KANAK DI TADIKA**

Disediakan oleh:

MUHAMAD AFIQ IDZREEN BIN MOHD NOR

C17A0111

Laporan ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Rekabentuk Perindustrian)
dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF & WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PENGAKUAN

Saya akui penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

Nama Pelajar : MUHAMAD AFIQ IDZREEN BIN MOHD NOOR

No. Matriks : C17A0111

Tarikh :

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia :

Cop :

Tarikh :

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mencipta satu rekabentuk meja kanak-kanak yang akan digunakan di tadika dengan menggunakan bahan epoksi. Bagi mengetahui rekabentuk meja yang sesuai, kaedah pemerhatian dan soal selidik haruslah dilakukan untuk mengetahui rekabentuk yang bersesuaian untuk diletakkan di tadika. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sama ada kelebihan yang ada pada bahan epoksi sehingga ianya mampu digunakan untuk menggantikan bahan yang sedia ada dalam pembuatan meja kanak-kanak yang sedia ada di tadika. Oleh kerana, jika terdapatnya sebarang kekurangan pada epoksi jadi apa gunanya menggunakan bahan tersebut berbanding bahan yang digunakan sekarang.

Kata kunci: rekabentuk meja,epoksi,kanak-kanak tadika

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

The study was done to create a children's table design that will be used in kindergarten using epoxy material. In order to know the appropriate table design, observation methods and questionnaires should be done to find out the appropriate design to be placed in the kindergarten. In addition, this study also aims to find out if the advantages are available on epoxy substances so that they can be used to replace existing materials in the manufacture of existing children's tables in kindergarten. Because, if there is any deficiency in epoxy so what's the point of using the material as opposed to the material used now.

Keywords: table design, epoxy, kindergarten children



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnian-Nya dapat saya menyelesaikan projek penyelidikan yang saya lakukan dan berjaya mendapatkan maklumat yang saya perlukan bagi menyelesaikan projek ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kerana memberi saya peluang untuk mencari pengalaman.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih penyelia projek saya ini iaitu Encik Yusri Bin Naser di atas segala tunjuk ajarnya selama hampir 2 semester dalam membantu saya menyelesaikan projek ini. Segala tunjuk ajarnya amatlah saya hargai dan diharapkan segala ilmu yang beliau ajarkan akan dapat saya gunakan pada masa akan datang. Begitu juga kepada para pensyarah rekabentuk industri di UMK, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kerana membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam mengusahakan projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada syarikat Sari Chempaka Art Village kerana memberi peluang kepada saya untuk menjalani latihan industri di sana dan secara tidak langsung dapat membantu saya menyiapkan projek penyelidikan ini. terima kasih kepada ENCIK AIMANUDDIN BIN KASMAN selaku pengurus syarikat di Sari Chempaka Art Village dan juga kepada pemilik syarikat iaitu DATUK AHMAD NAJIB BIN AHMAD DAWA yang membenarkan saya menggunakan bahan dan alatan di syarikat untuk menyiapkan projek saya ini. Segala budi anda semua tidak akan saya lupakan.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa dan yang banyak menitipkan doa untuk keberkatan dan memberi semangat serta rakan yang mengajar erti kesabaran dalam menyiapkan projek ini.

Sekian, terima kasih.

MALAYSIA

KELANTAN

ISI KANDUNGAN	m/s
Abstrak (BAHASA MELAYU)	i
Abstract(ENGLISH)	ii
Penghargaan	iii
Isi kandungan	iv-v
BAB 1 (PENGENALAN)	
1.1 Latar belakang kajian	1-2
1.2 Permasalahan kajian	3
1.3 Persoalan kajian	3
1.4 Objektif kajian	4
1.5 Skop kajian	4
1.6 Kepentingan kesimpulan	4
BAB 2 (KAJIAN LITERATUR)	
2.1 Pengenalan	5
2.2 Tadika	5
2.3 Aktiviti yang dilakukan di tadika	6-8
2.3.1 penyelidikan kognitif	
2.3.2 muzik dan seni	
2.3.3 komunikatif	
2.3.4 aktiviti buruh	
2.3.5 membaca	
2.4 Bahan yang biasa digunakan untuk membuat meja kanak-kanak	8
2.5 Jenis bahan yang akan digunakan untuk membuat meja kanak-kanak	9
2.5.1 kayu	
2.5.2 Epoksi	
2.6 Kelebihan epoksi	10
2.7 Rekabentuk	10-13
2.8 Rumusan	13

BAB 3 (METODOLOGI KAJIAN)	
3.0 Pengenalan	14
3.1 Rekabentuk Penyelidikan	14
3.2 Kaedah penyelidikan	15-16
3.2.1 pemerhatian	
3.2.1 borang soal selidik	
3.2.3 kaedah teks	
3.3 Rumusan	16
BAB 4 (Analisis data dan pembangunan produk)	
4.1 pendahuluan	17
4.2 Analisis data	17-24
4.2.1 analisis dapatan kajian	
4.3 Pembangunan produk	25-26
4.3.1 konsep rekabentuk	
4.4 Produk akhir	26-28
BAB 5 (CADANGAN DAN KESIMPULAN)	
5.1 Cadangan dan kesimpulan	29
5.2 Cadangan	30
5.3 Kesimpulan	31
Rujukan	32
Lampiran	33-40



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Epoksi adalah suatu bahan kimia dalam kategori resin atau gam yang dihasilkan melalui proses polimerisasi daripada Epoxide. Kebiasaannya Epoksi banyak digunakan sebagai bahan pelekat (adhesive) dan juga sebagai salutan (coating). Dalam ujikaji kimia, Epoksi adalah thermosetting resin yang mampu membentuk struktur ikatan silang polimer (cross-polymer) yang terhubung erat dan kuat. Epoksi juga diklasifikasikan sebagai bahan kimia yang mempunyai kekuatan dari segi lekatan (strong adhesion), terutamanya apabila digunakan sebagai salutan lantai (floor coatings). Epoksi terkenal dengan kekuatan lekatan, penebat haba yang baik, ciri mekanikal yang teguh, ikatan kimia yang kukuh serta boleh diformulasi dalam pelbagai keadaan bagi kegunaan industri. Cecair bahan kimia Epoksi juga sangat terkenal dengan kekuatan dan ketahanan sebagai salutan menyebabkan ianya semakin terkenal dalam industri pembinaan. Selain daripada ketahanannya, Epoksi juga bersifat kalis air atau waterproofing yang bertindak sebagai pencegah kebocoran(leaking).

Dalam pengeluaran perabot, resin epoksi tidak digunakan dalam bentuk tulen mereka, kerana sifat-sifat epoksi yang ajaib berlaku akibat hubungannya dengan pengeras khas. Sifat umum keseluruhan komposisi akan bergantung kepada nisbah bahan yang dibuat dengan betul. Jumlah pengeras yang salah dapat mengurangkan kekuatan produk siap, serta ketahanannya terhadap kesan persekitaran dan peralatan rumah tangga.

Selain itu juga, kajian ini akan memfokuskan kepada meja kanak-kanak di tadika. Tadika ialah sekolah peringkat awal bagi memberikan pendedahan kepada kanak-kanak tentang suasana persekolahan. Ia penting bagi persediaan untuk kanak-kanak ini menyesuaikan diri dengan persekitaran bersama kanak-kanak lain dan hidup berdikari. Isi pelajaran di peringkat tadika terdiri daripada mengeja, mengira dan membaca. Kanak-kanak yang mendaftar Tadika terdiri daripada mereka yang berumur 4- 6 tahun.

Pendidikan kanak-kanak merupakan tempoh kritikal kerana pada tempoh ini literasi awal sedang berkembang pesat dan ianya merupakan asas bagi penguasaan membaca dan menulis (Foorman & Moats, 2004). Oleh itu, tumpuan kepada literasi awal seharusnya bermula sejak peringkat awal lagi untuk menjamin penguasaan literasi dan kadar membaca dalam kalangan kanak-kanak pada masa akan datang.

Dalam kajian ini memfokuskan tentang penggunaan material epoksi dalam penghasilan meja kanak-kanak di tadika. Selain itu juga, kajian ini juga akan melihat berkaitan rekabentuk meja yang sesuai digunakan apabila material epoksi digunakan dalam penghasilan meja kanak.



Rajah 1

Contoh meja epoksi

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pernyataan masalah disini ialah aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak terlampau lasak hingga menyebabkan meja rosak. Kebiasaannya masalah ini seringkali berlaku samada di rumah mahupun di tadika. Seperti yang diketahui kanak-kanak sukar dikawal terutama sekali ketika mereka memberontak ataupun mengamuk. Hal ini mungkin akan menyebabkan mereka berada di luar kawalan para guru sendiri hingga menyebabkan berlakunya kemalangan yang tidak diingini.

Selain itu juga ruang pembelajaran di tadika yang sempit juga mampu menyebabkan berlakunya kerosakan terhadap meja. Hal ini mungkin disebabkan oleh disebabkan ruang yang sempit itu menghalang mereka untuk bergerak dengan lebih bebas dan menyebabkan mereka memijak dan melompat atas meja tersebut untuk terus berlari. Ini akan menyebabkan kerosakan meja yang boleh membahayakan kanak-kanak jika tidak diselenggara dengan segera.

Penggunaan bahan yang cepat rosak dan reput juga mampu menjadi satu masalah yang serius jika berlakunya kerosakan terhadap meja di tadika. Meja yang diperbuat daripada bahan yang reput dan mudah rosak akan membahaya kanak-kanak yang menggunakannya. Sebagai contohnya, andai kata meja itu patah di bahagian hujung dan menjadikan bahagian tersebut menjadi tajam maka kemalangan yang tidak diingini berlaku akan menyebabkan tadika tersebut dikenakan hukuman. Oleh itu pemilihan bahan yang sesuai haruslah tepat agar meja yang digunakan tidak mudah rosak dan membahayakan pengguna dan kanak-kanak.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- Apakah rekabentuk meja yang sedia ada kurang sesuai digunakan di tadika
- Adakah ruang pembelajaran yang sempit menyebabkan meja cepat rosak
- Adakah bahan yang digunakan untuk menghasilkan meja yang sedia ada kurang baik

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- Merekabentuk meja kanak-kanak yang sesuai untuk digunakan di tadika
- Menghasilkan meja yang mampu meminimalkan ruang yang sempit
- Menggunakan bahan yang sesuai untuk memastikan meja kanak-kanak menjadi kukuh dan tahan lasak.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu terhadap tadika yang ada di sekitar Bachok, Kelantan. Hal ini kerana, tadika merupakan tempat yang sesuai bagi mengambil segala data yang diperlukan ketika proses merekabentuk meja kanak-kanak.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam melaksanakan sesuatu perkara sudah pastinya perlu mempunyai matlamat dan kepentingan tertentu. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji pemasalahan yang dialami oleh pengguna meja kanak-kanak agar setiap permasalahan yang dikaji dapat diselesaikan. Selain itu juga, pengkaji harus memastikan agar meja epoksi dapat meningkatkan tahap keselamatan kanak-kanak ketika bermain di pusat asuhan serta membantu pusat asuhan dalam menjimatkan kos pembaikan meja kayu biasa berbanding selepas menggunakan meja yang dicampur dengan epoksi.

1.7 KESIMPULAN

Dengan itu rekabentuk meja kanak-kanak dengan menggunakan bahan epoksi haruslah dapat memberi keputusan yang positif agar bahan epoksi dapat menjadi antara bahan yang dipercayai oleh orang ramai serta dapat mengenali kelebihan bahan tersebut.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan tentang kajian yang dilakukan berdasarkan tajuk kajian yang telah dipilih. Terdapat beberapa perkara yang perlu ditekankan dalam kajian yang pengkaji akan huraikan pada bahagian ini. Ianya juga sebagai isi-isi penting dalam kajian ini. Perkara tersebut ialah kajian lepas, rekabentuk meja kanak-kanak serta bahan yang digunakan. Penekanan kepada isu tersebut amat penting dalam kajian ini oleh sebab kajian literatur merupakan suatu kajian yang sistematik dan secara mendalam terhadap bahan-bahan ilmiah yang boleh digunakan pakai sebagai fakta dalam kajian. Bahan-bahan ilmiah tersebut adalah seperti buku, artikel, jurnal dan sebagainya. Hal ini kerana kajian yang bagus perlu diperbanyakkan bahan rujukan daripada sumber ilmiah yang betul.

2.2 TADIKA

Tadika adalah singkatan daripada Taman Didikan Kanak-kanak. Tadika boleh didefinisikan sebagai mana-mana premis yang menerima masuk lebih dari 4 orang kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun untuk tujuan menerima pendidikan dengan upah." Penubuhan Tadika swasta perlu didaftar dengan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), iaitu di bawah Unit Pendidikan Swasta. Oleh yang demikian semua hal berkaitan dengan tadika perlu dirujuk kepada Jabatan Pelajaran Negeri terlebih dahulu. Di tadika adalah dimana banyak perkara yang akan diajar dan dipelajari oleh kanak-kanak. Terdapat juga pelbagai aktiviti-aktiviti yang dilakukan untuk membantu kanak-kanak dalam pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh mereka.

2.3 AKTIVITI YANG DILAKUKAN DI TADIKA

2.3.1 AKTIVITI PENYELIDIKAN KOGNITIF

Aktiviti kurang penting boleh dianggap penyelidikan kognitif. Cara ini berkait rapat dengan permainan. Lagipun, kita berterima kasih kepada kanak-kanak itu lalu mendapat berkenalan dengan dunia sekeliling. aktiviti kognitif adalah amat penting dalam mana-mana kanak-kanak. Di samping itu, udara segar membantu meningkatkan selera makan dan tidur kanak-kanak. Penghalang untuk berjalan setiap hari mungkin suhu udara terlalu rendah atau hujan. Pada musim panas masa yang sama, guru-guru perlu memastikan bahawa anak-anak menghabiskan masa kurang dalam matahari dan memakai topi. Hampir semua jenis aktiviti kanak-kanak di tadika pada musim panas boleh dijalankan di udara segar.

2.3.2 AKTIVITI MUZIK DAN SENI

Jenis muzik aktiviti kanak-kanak di tadika termasuk nyanyian, podpevanie, alat permainan, dan permainan luaran dengan iringan muzik. Pada sesi ini kanak-kanak membangunkan kreativiti. Banyak Arena menikmati pelajaran dengan penambahbaikan vokal. Ia adalah aktiviti muzik dan seni yang direka untuk menyediakan kanak-kanak untuk persembahan. Kanak-kanak belajar untuk menikmati diri anda di hadapan penonton yang besar.

2.3.3 AKTIVITI KOMUNIKATIF

Tugas utama prasekolah adalah untuk menyediakan kanak-kanak untuk dewasa. Orang kecil mempunyai untuk memperoleh banyak kemahiran, sebelum masuk ke dalam masyarakat. Ia bukan sahaja keupayaan untuk bercakap atau dimaksudkan untuk menggunakan barang-barang rumah, tetapi juga komunikasi yang betul dengan orang lain. Kebanyakan kanak-kanak hanya mencari satu bahasa yang sama dengan kedua-

dua rakan-rakan dan orang dewasa. Tetapi dalam setiap kemudahan penjagaan kanak-kanak semestinya kumpulan terhad kanak-kanak yang sukar diberi sosialisasi. tingkah laku itu boleh dikaitkan dengan ciri-ciri watak ibu atau bapa atau pendidikan. Selalunya masalah yang dihadapi oleh keluarga membawa kepada hakikat bahawa kanak-kanak menarik balik ke dalam dirinya dan tidak mahu untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan mereka. Jenis-jenis utama aktiviti kanak-kanak bertujuan untuk membantu kanak-kanak ini. Dengan cara yang suka bermain guru membantu dia untuk membuka dan membuat hubungan dengan rakan-rakan mereka.

2.3.4 AKTIVITI BURUH

Dalam usaha untuk wujud dalam masyarakat penuh, kanak-kanak tidak hanya perlu belajar bagaimana untuk berkomunikasi, tetapi juga untuk menjaga diri mereka sendiri. Semua jenis aktiviti kanak-kanak di tadika kanak-kanak menggalakkan kemerdekaan pembelajaran. Mereka harus dapat berpakaian dan menyimpan peralatan dapur tanpa bantuan orang dewasa. Kerja di rumah juga bukan tempat lepas. kanak-kanak itu perlu membiasakan diri dengan aktiviti-aktiviti orang dewasa. Ini adalah benar terutamanya kerja-kerja rumah. Bukan sahaja guru mengajar budaya hidup kanak-kanak, tetapi juga ibu bapa di rumah. Walaupun pada kanak-kanak prasekolah ibu bapa umur bersama-sama dengan guru-guru perlu mengajar penjagaan kanak-kanak. Semua kanak-kanak perlu untuk membersihkan selepas mainan dan dapur peralatan. Prasekolah perlu tahu bahawa segala sesuatu mempunyai tempat mereka.

2.3.5 MEMBACA DI TADIKA

Walaupun kanak-kanak mula membaca hanya pada usia sekolah, untuk mengajar ini penjaga kemahiran perlu lama sebelum itu. Kanak-kanak mesti belajar untuk mendengar dan memahami produk. Satu kemahiran yang sangat penting adalah kemahiran untuk mengendalikan buku. kanak-kanak perlu tahu bahawa anda tidak boleh lusuh halaman, melihat ilustrasi. Dalam kumpulan pertengahan, guru mula memperkenalkan anak-anak

kepada huruf. Pertama sekali kanak-kanak belajar huruf dengan mudah dpt diucapkan. Ini adalah mudah vokal dan konsonan. Seterusnya, kanak-kanak belajar untuk menambah huruf dalam suku kata, dan mereka - dalam perkataan. Aktiviti kanak-kanak di tadika semestinya mesti dikaitkan dengan pembelajaran puisi kecil. Kelas seperti ini menyumbang kepada pembangunan mental, melatih memori kanak-kanak. Belajar cerpen dan jenaka dengan ibu bapa kanak-kanak dan juga di rumah.

2.4 BAHAN YANG BIASA DIGUNAKAN UNTUK MEMBUAT MEJA KANAK-KANAK

Meja kanak-kanak di tadika merupakan antara alatan perabot yang penting dalam perkembangan kanak-kanak di tadika. Pada kebiasaannya sesebuah meja terutama meja kanak-kanak bahan yang biasa digunakan ialah bahan yang ringan seperti kayu *medium density-fiber* atau MDF. Walaupun kayu jenis ini murah dan ringan akan tetapi ianya mempunyai kekurangan yang agak menurunkan nilai penggunaannya. Sebagai contohnya, kayu jenis ini mempunyai tahap toleransi yang kurang pada air ataupun benda-benda yang basah. Kebiasaannya sekiranya terkenanya air, kayu jenis ini akan mengembang dan akan mudah reput dan rosak. Perkara ini secara tidak langsung akan membahayakan kanak-kanak yang menggunakannya. Oleh itu, bahan yang sesuai dan mempunyai ciri yang hampir sama dengan kayu MDF ini haruslah digunakan agar dapat mengatasi kekurangan yang ada pada kayu sedia ada.

Selain daripada kayu, meja kanak-kanak juga banyak yang diperbuat daripada plastik. Plastik merupakan antara bahan yang boleh dikatakan mempunyai kelebihan yang tersendiri. Walaupun begitu antara kekurangan yang ada pada plastik adalah tahap ketahanan haba yang kurang yang mampu menjadikannya merbahaya kepada kanak-kanak. Manakala sekiranya plastik itu patah, bahagian yang patah itu pada kebiasaanya menjadi tajam dan ini akan membahayakan kanak-kanak yang bermain di sekitar meja yang rosak tersebut.


2.5 JENIS BAHAN YANG AKAN DIGUNAKAN UNTUK MEMBUAT MEJA KANAK-KANAK DI TADIKA

2.5.1 KAYU

Dalam penghasilan meja kanak-kanak, penggunaan kayu yang sesuai haruslah dipilih dengan baik. Ini kerana sikap kanak-kanak yang kebiasaan tidak mampu dikawal itu akan menjadikan pemilihan kayu yang kuat dan tahan lasak itu penting. Selain itu juga, kayu yang dipilih haruslah mampu bekerjasama dengan bahan yang lain iaitu epoksi, ini kerana kedua-dua bahan ini penting untuk merekabentuk meja yang bersesuaian dengan sikap dan tingkah laku kanak-kanak.

2.5.2 EPOKSI

Epoksi merupakan antara bahan yang digunakan dalam pembuatan meja kanak-kanak di tadika. Pemilihan epoksi adalah disebabkan sifat bahan epoksi itu sendiri yang mempunyai pelbagai kelebihan yang membuatkan ianya menjadi pilihan pengkaji. Antara sebab ianya dipilih adalah kerana mempunyai keupayaan untuk menahan daripada berlakunya sebarang kerosakan disebabkan oleh benda-benda yang basah. Oleh itu, penggunaan epoksi amatlah sesuai. Walaupun epoksi mempunyai pelbagai jenis dan kegunaannya, pemilihan epoksi yang sesuai digunakan haruslah bersesuaian dengan bahan yang hendak dicampurkan dengan epoksi tersebut. Ini kerana epoksi mempunyai pelbagai jenis yang berlainan kegunaannya. Sebagai contoh, lantai epoksi dan epoksi kayu menggunakan jenis epoksi yang berbeza. Sebab mengapa jenis epoksi yang digunakan berbeza mengikut bahan yang digunakan adalah kerana tujuan dan tempat yang akan digunapakai. Disebabkan oleh pengkaji memilih meja sebagai kajian, penggunaan epoksi yang bersesuaian dengan kayu haruslah digunakan bagi mendapatkan hasil yang baik.



Rajah 2

Epoksi dan bahan pengeras(*hardener*)

2.6 KELEBIHAN EPOKSI

Penggunaan epoksi ini mempunyai pelbagai kebaikan yang membuatkan ianya dipilih untuk menjadi bahan pengganti kepada bahan yang digunakan pada masa sekarang dalam membuat meja kanak-kanak di tadika. Di bawah merupakan antara kelebihan yang ada pada bahan epoksi :

- Bahan ini sangat tahan lama dan tidak mengalami kecacatan
- kos yang berpatutan
- Rintangan kelembapan
- penjagaan mudah
- pelbagai penyelesaian reka bentuk.
- pengembangan ruang visual

2.7 REKABENTUK

Sesebuah produk mendapat nilai bergantung pada reka bentuk yang menarik yang mampu menarik perhatian orang. Rekabentuk yang baik bermula daripada konsep reka bentuk yang baik. Konsep reka bentuk adalah idea di sebalik reka bentuk. Bagaimana jalan yang dipilih untuk menyelesaikan masalah reka bentuk yang terjadi. Konsep reka bentuk yang dipilih akan menjadi rangka untuk semua keputusan reka bentuk anda. Sesuatu reka bentuk boleh terbentuk kepada bentuk yang mudah dan juga susah. Sebelum ke langkah yang lebih jauh, diperingkat konsep perlulah bermula

dengan baik bagi mengelakkan daripada berlakunya perkara yang memberi kesan negatif kepada sesuatu produk di peringkat seterusnya.

Menurut John Spacey (2018), konsep reka bentuk adalah idea asas yang memberikan kedalaman, makna dan juga arah reka bentuk. Konsep reka bentuk ini juga dapat disimpulkan menjadi pernyataan pendek yang juga dapat ditunjukkan secara visual. Konsep reka bentuk ini berfungsi sebagai rangka kerja dan pada masa yang sama dapat bertindak sebagai slogan untuk membuat reka bentuk. Terdapat 14 jenis konsep reka bentuk menurut John Spacey, antaranya seperti berikut :

- a) **Fungsi** – menerangkan apa yang dapat dicapai oleh pengguna melalui reka bentuk
- b) **Ciri-ciri** – adalah bagaimana fungsi dilaksanakan. Lebih lazim bagi konsep reka bentuk berdasarkan fungsi. Namun, ciri unik ataupun berharga mungkin digunakan sebagai konsep.
- c) **Kualiti** – reka bentuk berdasarkan objektif atau pendekatan yang berkualiti. Sebagai contoh, rim tayar basikal yang ringan dan tidak dapat dipatahkan dan juga mampu bertahan sehingga 1 juta kilometer.
- d) **Bentuk** – idea bentuk untuk reka bentuk, sebagai contoh kerusi yang menyerupai kepompong.
- e) **Gaya** – konsep gaya seperti *cyberpunk* diterapkan ke reka bentuk pembuatan papan kekunci dengan dihasilkan dengan butang logam dan juga lampu neon.
- f) **Emosi** – reka bentuk yang bertujuan untuk menginspirasi emosi sebagai contoh kasut yang menginspirasi daya dan juga keyakinan.
- g) **Kebolegunaan** – konsep reka bentuk yang merangkumi tujuan kebolegunaan seperti produktiviti.

- h) **Teknikal** – Konsep teknikal yang mencapai objektif reka bentuk dalam bidang seperti prestasi dan juga kecekapan.
- i) **Alam semula jadi** – konsep organik seperti rumah yang dirancang untuk menyatu dengan persekitaran semula jadi.
- j) **Pengalaman** – konsep pengalaman pelanggan seperti fon kepala yang dianggap ringan dan selesa sehingga terasa seperti sebahagian daripada tubuh badan.
- k) **Masyarakat** – konsep masyarakat seperti jalan hidup atau bermain.
- l) **Budaya** – konsep reka bentuk berdasarkan budaya.
- m) **Risiko** – konsep berdasarkan risiko sebagai contoh mereka bentuk kapal yang tidak akan karam.
- n) **Kemampanan** – reka bentuk yang mengurangkan kerosakan persekitaran dan meningkatkan kualiti hidup.

Langkah merekabentuk yang seterusnya adalah dengan mendapatkan permasalahan pengguna bagi menyelesaikan permasalahan tersebut. Bagi mendapatkan permasalahan daripada pengguna pengkaji perlu melakukan penyelidikan bagi mendapatkan permasalahan yang dihadapi oleh pengguna. Dengan melakukan kaedah ini dapat memudahkan pengkaji untuk menyelesaikan masalah yang dialami oleh pengguna. Bagi menyelesaikan masalah pengkaji tidak boleh melakukan keputusan yang terburu-buru bagi mengelakkan daripada berlakunya kesilapan. Hal ini bertujuan daripada berlakunya permasalahan yang lain timbul oleh kerana pengkaji tidak menganalisis permasalahan dengan baik. Jika terjadinya hal sedemikian, pengkaji

dianggap pereka yang gagal kerana tidak dapat menyelesaikan masalah namun telah menimbulkan pemmasalahan yang baru.

Jelaslah bahawa seseorang perekabentuk perlu memikirkan cara yang kreatif dan inovatif bagi menyelesaikan sesuatu pemmasalahan. Seorang pereka bentuk haruslah berfikiran terbuka bagi mendapatkan idea yang bagus dan bermanfaat. Setelah mendapat idea pereka bentuk perlu membuat penilaian terhadap rekaan yang dilakukan bagi memenuhi kriteria pemmasalahan yang diambil. Dengan mengambil langkah-langkah sedemikian ianya dapat memberi kesan yang positif kepada sesuatu produk.

2.8 RUMUSAN

Walaupun telah ada rekabentuk meja kanak-kanak yang sekarang, akan tetapi meja kanak-kanak yang diperbuat daripada bahan epoksi amatlah kurang terutama di Kelantan mahupun di Malaysia. Oleh itu, pengkaji ingin mengambil kesempatan ini untuk memastikan agar bahan epoksi mampu dikenali ramai.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 PENGENALAN

Metodologi adalah satu kaedah untuk mencari maklumat dan proses yang diperlukan dalam kajian. Dengan melakukan kaedah sedemikian, ini dapat mengenal pasti proses yang harus dilakukan. Reka bentuk penyelidikan, kaedah kajian, proses menganalisis data dan maklumat digunakan dalam kajian ini.

Penyelidikan yang dilakukan dapat mengenalpasti masalah yang berlaku pada masa kini. Ini bertujuan untuk menyelesaikan permasalahan yang terjadi pada era globalisasi sekarang. Metodologi mampu menjadi satu aspek yang perlu diberi perhatian yang khusus bagi menjamin penyelidik melakukan kajian yang bersesuaian dengan pembolehubah yang hendak dikaji serta hipotesis yang digunakan dalam kajian. Bab ini menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan bagi menyempurnakan kajian ini.

3.1 REKABENTUK PENYELIDIKAN

Rekabentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Ini kerana pengkaji perlu menganalisis data dengan cara mengedarkan borang kaji selidik kepada ibubapa dan guru-guru tadika bagi mengetahui perkara yang berkaitan dengan kanak-kanak di tadika. Dengan kaedah ini dapat memudahkan pengkaji untuk menganalisis data yang diterima. Kefahaman yang mendalam terhadap kajian adalah sangat penting bagi mengelakkan daripada terjadinya menganalisis data yang tiada kaitan dengan kajian yang dilakukan. Menurut Imam Gunawan (2015) kualitatif adalah bertujuan untuk mengembangkan konsep sensitivitas pada masalah yang dihadapi, menerangkan realitas yang berkaitan dengan penelusuran teori dari bawah (*grounded theory*) dan mengembangkan pemahaman akan satu atau lebih dari fenomena yang dihadapi.

3.2 KAEDAH PENYELIDIKAN

Kaedah penyelidikan bertujuan untuk mengumpulkan artikel yang berkaitan dengan meja kanak-kanak untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Antara kaedah penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji adalah pemerhatian, borang kaji selidik dan kaedah teks. Kaedah teks dilakukan melalui kaedah pembacaan bahan-bahan ilmiah yang berkaitan, melalui internet, kajian yang terdahulu dan banyak lagi bagi mendapatkan maklumat yang berkualiti bagi menjayakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Kesemua kaedah ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan dan mengumpul maklumat yang boleh digunakan dalam laporan kajian.

3.2.1 PEMERHATIAN

Kaedah pemerhatian digunakan oleh pengkaji untuk membantu pengkaji dalam penganalisaan data. Kaedah ini dijalankan di tadika di Bachok, Kelantan bagi mendapatkan lagi maklumat dengan tepat. Setiap pemerhatian yang dibuat adalah berdasarkan pengamatan terhadap jenis dan rekabentuk meja kanak-kanak yang digunakan di tadika. Selain dari itu juga, pemerhatian terhadap sikap kanak-kanak sewaktu menggunakan meja juga dititikberatkan bagi memastikan kesesuaian rekabentuk meja agar dapat digunakan dengan baik dan mampu bertahan dengan lebih lama.

3.2.2 BORANG KAJI SELIDIK

Bagi kaedah penyelidikan yang seterusnya ialah melalui edaran borang soal selidik bagi tujuan untuk proses pengumpulan data. Borang kaji selidik akan diedarkan melalui aplikasi mudah alih iaitu "*whatsapp*" dan akan diberikan kepada guru di tadika dan seterusnya pihak guru akan mengedarkan kepada para ibubapa untuk diberikan kepada anak-anak mereka.

3.2.3 KAEDAH TEKS

Bagi mendapatkan maklumat awal isu berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Pengkaji telah mendapatkan ilmu pengetahuan berkenaan dengan rekabentuk di *google* serta melalui artikel yang diambil dari "*Google Scholar*". Selain itu, buku yang berkaitan dengan reka bentuk meja kanak-kanak dan epoksi turut dicari bagi menambahkan lagi rujukan bagi memberikan hasil yang berkualiti pada kajian ini.

3.3 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, bagi meninggalkan kesan yang baik pada kajian ini, pengkaji harus mengenal pasti metodologi kajian yang sesuai untuk dilakukan. Ini kerana, jika tersalah memilih di antara kualitatif dan kuantitatif ini mampu mencacatkan kajian yang dilakukan. Hal ini kerana, kualitatif dan kuantitatif merupakan dua jenis kajian yang berbeza. Jika pengkaji dapat memastikan kajian yang betul ini membolehkan pengkaji untuk menggunakan strategi kajian yang baik dan mampu memberi kajian yang terbaik.

BAB 4

ANALISIS DATA DAN PEMBANGUNAN PRODUK

4.1 Pendahuluan


Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang analisis data berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan borang soal selidik. Borang soal selidik tersebut telah pun diedarkan oleh pengkaji bertujuan untuk proses analisis data. Pemilihan soalan berdasarkan perbincangan masalah terhadap kajian ini dan membantu untuk menyokong kajian yang dilakukan ini. Disamping itu, perbincangan mengenai pembangunan produk juga akan dinyatakan secara terperinci didalam bab ini mengikut turutan proses yang dilakukan bermula dengan proses analisis, mencari bahan rujukan, konsep visual dan rekabentuk produk akhir. Data akhir yang diperolehi akan membantu pengkaji untuk proses pembangunan produk yang akan dibina iaitu meja kanak-kanak yang menggunakan bakan epoksi.

4.2 Analisis data

Melalui proses pengumpulan data yang telah dilakukan pengkaji, sebanyak 11 responden telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan di atas talian kepada sasaran terutama sekali kepada guru-guru dan bekas guru di tadika yang berhampiran kawasan tempat tinggal pengkaji. Didalam analisis tersebut terdapat peratusan yang telah dinyatakan oleh pengkaji berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh responden dalam data tersebut bagi membantu kajian ini dijalankan.


4.2.1 Analisis dapatan kajian

Dapatan kajian yang dilakukan terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian A,B dan C. Pada bahagian A, maklumat berkaitan demografi responden diambil seperti umur,jantina dan lain-lain. Manakala pada bahagian B pula,soalan berkaitan dengan masalah yang dihadapi responden di lokasi kajian dan untuk bahagian C, soalan-soalan berkaitan jenis rekabentuk yang sesuai ditanyakan kepada responden. Rajah-rajah dibawah akan menerangkan data-data yang diperolehi.




Rajah 4.1

Pada rajah 4.1 menunjukkan peratusan jantina yang menjawab soalan yang ditanyakan. Apabila dipecahkan bilangan mereka yang menjawab soalan adalah seramai 11 orang responden terdiri daripada 9 orang ataupun 81.8% adalah perempuan dan 2 orang lagi merupakan lelaki.



Rajah 4.2


Rajah 4.2 menerangkan tentang lokasi soalan diedrakan kepada responden. Soalan-soalan ini telah diedrakan kepada guru-guru tadika di kawasan sekitar pengkaji. Seramai 63.6% ataupun 7 orang guru tadika di Tadika Kemas Lawang telah menjawab soalan. Manakala sebanyak 18.2% atau seramai 2 orang guru dari setiap tadika di Kampung Gual Jedok dan Kampung Batu Gajah telah mengambil bahagian dalam menjawab soalan yang diberikan.



Rajah 4.3


Pada rajah diatas menunjukkan tentang peratusan umur guru-guru tadika di ketiga-tiga lokasi kajian. Seramai 5 orang responden ataupun sebanyak 45.5% merupakan berumur dalam lingkungan 20-an. Selebihnya seramai 2 orang ataupun sebanyak 18.2% berumur dalam lingkungan 30,40 dan 50 tahun keatas.

Rajah dibawah akan menerangkan tentang data-data soalan bahagian B.



Rajah 4.4

Rajah 4.4 menunjukkan tentang soalan yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi di tadika yang dikaji. Data menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden mengakui bahawa tadika mereka mempunyai masalah ruang yang kurang. Hal ini dapat dilihat apabila sebanyak 81.8% ataupun seramai 9 orang bersetuju dan menjawab Ya apabila ditanyakan berkenaan masalah ruang.




Rajah 4.5

Rajah diatas menunjukkan tentang soalan berkaitan jenis-jenis perabot yang tedapat di tadika di ketiga-tiga lokasi kajian.

Adakah tadika anda mempunyai ruang pembelajaran yang terhad.

11 responses




Rajah 4.6

Rajah 4.6 menunjukkan tentang masalah ruang pembelajaran yang dihadapi di tadika dan sebanyak 63.6% bersetuju yang tadika mereka menghadapi masalah ruang pembelajaran yang terhad disebabkan oleh pemilihan perabot yang kurang sesuai. Manakala seramai 4 orang ataupun 36.4% tidak bersetuju yang tadika mereka mempunyai sebarang masalah ruang pembelajaran yang terhad.

Apakah dengan mempunyai perabot yang kurang sesuai membuatkan ruang tadika terhad?

11 responses




Rajah 4.7

Rajah diatas menerangkan berkaitan dengan pemilihan perabot di tadika yang menjadikan ruang tadika itu terhad. Sebanyak 81.8% ataupun seramai 9 orang berkata setuju berkaitan dengan soalan yang ditanya. Manakala hanya 18.2% atau 2 orang sahaja tidak merasakan yang pemilihan rekabentuk perabot yang membuatkan ruang tadika sempit.

Apakah ruang yang terhad menjadikan aktiviti yang dijalankan juga menjadi terhad?

11 responses




Rajah 4.8

Di atas menunjukkan berkaitan soalan tentang aktiviti yang dilakukan akan membuatkan ruang menjadi terhad. Data menunjukkan yang seramai 7 orang atau 63.6% tidak bersetuju dengan soalan diatas. Selain seramai 36.6% bersetuju dengan ruang yang terhad menjadikan segala aktiviti yang dilakukan akar terbatas.

Pada pendapat anda, jenis meja kanak-kanak manakah menjadi kesesuaian untuk diletakkan di tadika ?

11 responses




Rajah 4.9

Rajah diatas menunjukkan tentang pemilihan rekabentuk meja yang sesuai diletakkan di tadika. Sebanyak 3 jenis bentuk ditanyakan iaitu bentuk segi empat, bulat dan trapezium. Sebanyak 72.7% ataupun seramai 8 orang memilih bentuk segi empat. Bagi bentuk bulat pula ialah seramai 3 orang atau sebanyak 27.3% manakala bagi bentuk trapezium tiada yang memilih rekabentuknya.

Sekiranya meja dibuat daripada epoksi, corak manakah yang akan dirasakan bersesuaian?

11 responses




Rajah 4.10

Bagi soalan seterusnya, rajah 4.10 menunjukkan tentang corak yang dipilih untuk dilakukan terhadap meja. Corak 1 merupakan satu corak penggunaan epoksi yang seperti aliran sungai manakala corak 2 ialah penggunaan corak epoksi yang biasa sahaja. Sebanyak 72.7% atau seramai 8 orang telah memilih corak aliran sungai untuk diaplikasikan dan selebihnya memilih corak kedua.

Bagi anda, rekabentuk meja yang bagaimanakah mempunyai ketahanan yang lebih tinggi?

10 responses




Rajah 4.11

Rajah diatas adalah berkaitan pemilihan rekabentuk meja yang sesuai diletakkan di tadika. Seramai 8 orang atau 80% telah memilih bentuk bulat berbanding bentuk segi empat. 20% lagi memilih segi empat dan terdapat seorang responden yang tidak menjawab soalan terbabit.

Bagi anda, warna apakah yang sesuai digunakan untuk penghasilan meja kanak-kanak?

11 responses



Rajah 4.12

Rajah diatas menunjukkan tentang pemilihan warna yang sesuai. Sebanyak 5 pilihan warna diberikan. Sebanyak 54.5% atau seramai 6 orang memilih warna ungu untuk diletakkan pada rekabentuk meja nanti. Manakala seramai 2 orang memilih warna merah dan biru. Warna kuning hanya mempunyai sebanyak 9.1% sahaja iaitu seorang sahaja yang memilih warna tersebut.

4.3 Pembangunan produk

Berdasarkan sokongan responden pada borang soal selidik, pengkaji akan melakukan proses pembangunan produk mengikut beberapa fasa. Fasa pertama pengkaji akan mengumpul bahan produk berdasarkan tajuk pengkaji iaitu penggunaan bahan epoksi dalam penghasilan meja kanak-kanak di tadika. Pada fasa pertama ini pengkaji perlu meneliti konsep supaya dapat menepati kehendak objektif kajian. Pada fasa kedua pula pengkaji perlu menjalankan satu kajian analisis terhadap rangka produk yang telah dilakukan supaya ianya dapat menjawab semua persoalan kajian dan mendapat maklum balas yang baik daripada responden. Akhir sekali adalah fasa rekabentuk produk di mana pengkaji akan mereka bentuk produk yang lengkap untuk memenuhi kehendak kajian.

4.3.1 Konsep rekabentuk

I. Pemilihan konsep

Rekabentuk produk yang dilakukan akan menggunakan konsep tanggam tradisional Malaysia. Penggunaan konsep tanggam adalah bagi memudahkan proses pencantuman produk serta mengurangkan penggunaan bahan-bahan cantuman yang lain seperti paku dan skru.

II. Penggunaan bahan

Produk yang akan dihasilkan akan menggunakan bahan epoksi dan kayu Lembusu sebagai bahagian atas meja kanak-kanak. Selain itu juga, kaki meja juga akan dihasilkan dengan menggunakan kayu dan akan menggunakan konsep tanggam sebagai konsep cantumannya.



Rajah 4.13

Bentuk cantuman tanggam yang dilakukan

4.4 Produk akhir


Untuk menghasilkan produk akhir ini pengkaji telah menjadikan beberapa produk sedia ada sebagai bahan rujukan tambahan. Proses ini bertujuan menjana idea yang lebih kreatif dan bersesuaian dengan konsep.

I. Pemilihan WarnaTema:

Dalam proses penghasilan produk akhir ini pengkaji telah memilih warna ungu berdasarkan oleh soal selidik yang dilakukan terlebih dahulu sebagai tema utama kerana ianya memiliki peranan penting dalam menarik minat serta memastikan sasaran pengguna memilih penggunaan bahan yang digunakan agar menampakkan produk tersebut lebih menarik perhatian mereka.

II. Rujukan Visual

Untuk menghasilkan produk akhir yang terbaik dan mengikuti objektif kajian, pengkaji telah menjadikan beberapa produk sedia ada sebagai rujukan utama untuk menghasilkan produk yang lebih berkualiti dan menjawab persoalan kajian.



Rajah 4.14

Bahagian atas meja yang dilakukan dengan menggunakan corak aliran sungai



Rajah 4.15

Bentuk kaki meja yang menggunakan konsep tanggam



Rajah 4.16

Gambar produk akhir

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Cadangan Penyelidikan

Sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan pengkaji mendapati bahawa konsep tanggam yang digunakan untuk menghasilkan kaki meja kerana ianya dapat menaikkan balik konsep tradisional Melayu Malaysia diperkenalkan semula. Oleh itu kajian ini telah berjaya mencapai objektif kajian.

Melalui kaedah soal selidik yang telah dijalankan pula, pengkaji berjaya meneliti mendapatkan maklum balas yang baik daripada responden di kawasan kajian yang dilakukan. Secara keseluruhan, responden bersetuju dengan penggunaan bahan epoksi dalam penghasilan meja kanak-kanak dimana ianya merupakan suatu yang baharu bagi para responden.

Konsep yang pengkaji telah cadangkan agar penggunaan bahan epoksi dalam penghasilan meja kanak-kanak dipertingkatkan lagi kerana melalui penggunaan epoksi banyak perkara yang menarik dapat dihasilkan. Walaupun nilai epoksi agak tinggi, namun perkara ini seharusnya tidak menjadi masalah yang besar sekiranya hasil produk itu memiliki kualiti yang tinggi selain mampu memberikan kebaikan kepada pengguna.

5.2 Cadangan

Penggunaan bahan epoksi dalam penghasilan meja kanak-kanak mampu meningkatkan lagi pasaran produk yang berasaskan epoksi. Ini kerana produk epoksi di Malaysia boleh dikatakan agak berkurang kerana kos jualan dan kos pengeluaran yang boleh dikatakan agak mahal dan kurang mampu digunakan terutamanya oleh syarikat-syarikat pengeluar yang kecil dan sederhana. Namun, jika produk epoksi ini dilakukan dan dipasarkan dengan baik dan betul, tidak mustahil pasaran epoksi terutama di Malaysia mampu meningkat.

Berdasarkan apa yang pengkaji melakukan kajian terdahulu boleh dikatakan bahawa pasaran meja epoksi di negara ini boleh dikatakan kurang disebabkan oleh permintaan dan pendedahan pada bahan epoksi yang kurang dan tidak meluas seperti negara-negara luar yang lain. Oleh itu, pemasaran yang betul daripada syarikat akan mampu untuk meningkatkan pasaran epoksi.

Sebagai permulaan, pasaran epoksi ini boleh diberikan tumpuan kepada produk-produk yang kecil. Sebagai contohnya ialah melalui produk meja kanak-kanak, dimana meja ini mempunyai dimensi yang kecil dan penggunaan bahan epoksi juga mampu dikurangkan berbanding jika terus melakukan pengeluaran produk-produk perabot di rumah dimana ia mampu menelan kos yang tinggi berbanding produk untuk kanak-kanak.

Akhir sekali ialah mencadangkan agar lebih banyak penggunaan epoksi didedahkan kepada golongan-golongan muda seperti pelajar universiti yang mengambil jurusan pembuatan produk. Melalui mereka ini, produk-produk berasaskan epoksi harus diperbanyakkan menerusi kajian-kajian dan pembuatan produk yang berskala kecil terlebih dahulu sebelum diketengahkan menjadi produk yang bersaiz sebenar.

5.3 Kesimpulan

Epoksi merupakan satu bahan yang mempunyai kos yang tinggi dan hanya sesetengah peminat atau pengguna bahan ini sahaja yang mempunyai pengetahuan untuk mengendalikan bahan ini. Ini kerana penggunaan epoksi dalam rekabentuk sesebuah produk masih lagi kurang di Malaysia dan orang ramai masih lagi tidak mengetahui tentang pengendalian dan penggunaan epoksi.

Melalui kajian yang dilakukan oleh pengkaji, penggunaan epoksi dalam rekabentuk produk harus mampu dipertingkatkan dan mampu memberi reaksi yang positif daripada kalangan peminat produk-produk yang boleh dikatakan agak berkualiti dan mempunyai peminatnya yang tersendiri ini.

Sebagai contoh, pengkaji berharap agar penggunaan epoksi dapat diperkenalkan melalui produk-produk berskala kecil seperti barangan cenderamata ,ataupun diletakkan di bahagian-bahagian tertentu di sesebuah perabot sebagai unuk menunjukkan tentang kualiti yang terdapat pada barangan epoksi. Hal ini akan mampu menarik lebih ramai peminat-peminat tentang produk epoksi.

Akhir sekali dapat disimpulkan bahawa penggunaan epoksi dalam penghasilan meja kanak-kanak di tadika berkemungkinan akan mampu untuk menjadikan bahan epoksi menjadi antara bahan yang akan menjadi pilihan ramai pada suatu masa nanti.

RUJUKAN

ms.decorexpro(2015-2019) -Bagaimana untuk membuat jadual resin epoksi dengan tangan anda sendiri?

<https://ms.decorexpro.com/stolyiz-epoksidnoj-smoly-svoimi-rukami>

Perabot Dan Peralatan Di TASKA (2011) - Prof. Dr Bustam Kamri, (Ed.D.)

<http://bustamkamri.blogspot.com/2011/02/perabot-dan-peralatan.html>

John Spacey (2018). "14 Type Of Design Concept".

<https://simplicable.com/new/design-concept>

teamexr (2019) Apa Itu Epoksi?

<https://epoksixpert.com/apa-itu-epoksi/>

Imam Gunawan (2015). " Metode Penelitian Kualitatif".


http://fip.um.ac.id/wp-content/uploads/2015/12/3_Metpen-Kualitatif.pdf

ms.bimiss (2018) "jenis-aktiviti-kanak-kanak-di-tadika-permainan-sebagai-aktiviti-utama"

<https://ms.bimiss.com/jenis-aktiviti-kanak-kanak-di-tadika-permainan-sebagai-aktiviti-utama/>

LAMPIRAN







KELANTAN

8.0 BORANG SOAL SELIDIK

PENGUNAAN MATERIAL EPOKSI TERHADAP REKABENTUK MEJA KANAK-KANAK DI TADIKA

BAHAGIAN A

JANTINA

Lelaki
Perempuan

Umur

20 Tahun ke atas
30 Tahun ke atas
40 Tahun ke atas
50 Tahun ke atas

Lokasi Tadika

Tadika Kemas Lawang
Tadika Kemas Gual Jedok
Tadika Kemas Batu Gajah

PEKERJAAN

Kerajaan
Swasta
Sendiri
Tidak bekerja

Bangsa

Melayu
Cina
India
Lain-lain

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

BAHAGIAN B

Adakah tadika anda mempunyai sebarang masalah ruang atau aktiviti yang dihadapi?

Ya
Tidak

Jenis-jenis perabot yang disediakan di Tadika anda.

Kerusi kanak-kanak
Meja kanak-kanak
rak buku
Lain-lain

Adakah tadika anda mempunyai ruang pembelajaran yang terhad.

Ya
Tidak

Apakah dengan mempunyai perabot yang kurang sesuai membuatkan ruang tadika terhad?

Ya
Tidak

Apakah ruang yang terhad menjadikan aktiviti yang dijalankan juga menjadi terhad?

Ya
Tidak

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAHAGIAN C

Pemilihan rekabentuk dan pemilihan warna

Pada pendapat anda, jenis meja kanak-kanak manakah menjadi kesesuaian untuk diletakkan di tadika ?



Bulat



Segi empat



Trapezium

Sekiranya meja dibuat daripada epoksi, corak manakah yang akan dirasakan bersesuaian?



Corak 1



Corak 2

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Bagi anda, rekabentuk meja yang bagaimanakah mempunyai ketahanan yang lebih tinggi?



Segi empat



Bulat

Bagi anda, warna apakah yang sesuai digunakan untuk penghasilan meja kanak-kanak?

- Merah
- Biru
- Kuning
- Hijau
- ungu
- lain-lain

